

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
PEJABAT BENDAHARI**

KUIITTHO.(PB)10.12/04 Jld.II(14)

Tarikh: 16 November 2006

PEKELILING BENDAHARI BIL. 07 /2006

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y.Bhg.Prof./Tuan/Puan,

**MENERIMAPAKAI PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN
BIL.7/2005 - PEMBEKALAN ALAT PROPRIETARY ELEKTRONIK DAN ALAT
GANTI YANG BERKAITAN BAGI TAHUN 2006 HINGGA TAHUN 2008**

1.0 PENGENALAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan aturcara perolehan bagi bekalan yang menerima pakai Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil.7/2005 - Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan Bagi Tahun 2006 Hingga Tahun 2008 yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.21/2006 yang bersidang pada 6 September 2006 Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn telah meluluskan pemakaian Pekeliling ini.

2.2 Pekeliling Kontrak Perbendaharaan ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia telah mewujudkan semula kontrak Perbendaharaan bagi Perolehan Pembekalan Alat Proprietary Elektronik dan Alat Ganti Yang Berkaitan kepada semua Kementerian, Jabatan Kerajaan termasuk Jabatan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta Badan

Berkanun di Seluruh Semenanjung Malaysia bagi tempoh tiga (3) tahun mulai 1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2008 dan ianya juga bertujuan untuk memperkemas dan mempercepatkan proses perolehan. Peraturan dan tatacara baru bagi perolehan dan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan adalah seperti dilampiran. Semua PTJ yang mengawal kewangan dibekalkan buku alat *proprietary* elektronik dan alat ganti untuk tujuan perolehan PTJ.

3.0 TATACARA PEROLEHAN

3.1 Pihak PTJ boleh membuat perolehan tersebut mengikut tatacara semasa iaitu secara terus (bawah RM10,000) dibawah kuasa Ketua PTJ dan nilai perolehan melebihi RM10,000.00 sehingga RM200,000.00 perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Sebutharga Universiti. Manakala jika nilai perolehan melebihi RM200,000.00 perlu mendapat kelulusan Lembaga Perolehan Universiti.

3.2 Nombor Kontrak dan Butir-butir Kontraktor

- i) Nombor Kontrak : PERB/PK/4/2005
- ii) Nama dan Alamat Kontraktor : Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd.
No. 9 & 11 Block C1,
Jalan PJU 1/41, Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
- iii) No.Telefon : 03- 78041822 / 78042118
- iv) No. Faks : 03 - 78809439 / 78062514
- v) Nama dan Alamat Bank : Public Bank Berhad (6463-H)
(Bills Department),
Jalan Sultan Sulaiman Branch,
6, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.

vi) No. Akaun Bank : 3 - 0774084 - 32

3.3 Hanya item-item elektronik yang disenaraikan dalam Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil.7/2005 di atas sahaja yang berkaitan dengan kontrak ini. Item alat *proprietary* elektronik dan alat ganti yang berkaitan yang dibenarkan di bawah kontrak ini adalah seperti di dalam Senarai Harga Pembuat yang telah disahkan oleh Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Semua Ketua PTJ dan pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan perolehan di PTJ dikehendaki mematuhi sepenuhnya tatacara perolehan ini. Jika terdapat pelanggaran peraturan seperti yang ditetapkan, maka pihak bertanggungjawab akan dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib Universiti untuk tindakan *surchage*. Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan dibaca bersama Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil.7/2005.

5.0 PEMBATALAN

Dengan terpakainya pekeling ini, kaedah perolehan yang diamalkan sebelum ini bagi perolehan item-item elektronik yang disenaraikan berdasarkan Pekeliling Bendahari Bil.11/2001 adalah dibatalkan.

Sekian , terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang Benar,



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
Samb. 7050

s.k. Rektor
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Timbalan Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan)
Ketua Unit Audit Dalam
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**KEMENTERIAN KEWANGAN****PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2005**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

PEMBEKALAN ALAT PROPRIETARY ELEKTRONIK DAN ALAT GANTI YANG BERKAITAN BAGI TAHUN 2006 HINGGA TAHUN 2008**1. Tujuan**

Pekeliling Kontrak Perbendaharaan ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia telah mewujudkan semula kontrak pusat bagi Perolehan Pembekalan Alat Proprietary Elektronik dan Alat Ganti Yang Berkaitan kepada semua Kementerian, Jabatan Kerajaan termasuk Jabatan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta Badan Berkanun di Seluruh Semenanjung Malaysia bagi tempoh tiga (3) tahun mulai 1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2008.

2. Nombor Kontrak dan Butir-butir Kontraktor

- | | |
|--------------------------------|--|
| 2.1 Nombor Kontrak | : PERB/PK/4/2005 |
| 2.2 Nama dan Alamat Kontraktor | : Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd.
No. 9 & 11 Block C1,
Jalan PJU 1/41, Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan. |
| 2.3 No. Telefon | : 03 - 78041822 / 78042118 |
| 2.4 No. Faks | : 03 - 78809439 / 78062514 |
| 2.5 Nama dan Alamat Bank | : Public Bank Berhad (6463-H)
(Bills Department),
Jalan Sultan Sulaiman Branch,
6, Jalan Sultan Sulaiman, |

50000 Kuala Lumpur.

2.6 No. Akaun Bank

: 3 - 0774084 - 32

3. Tempoh Kontrak

3.1 Tempoh kontrak ialah selama tiga (3) tahun bermula dari **1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2008**.

4. Harga

4.1 Harga alat proprietary elektronik dan alat ganti yang berkaitan yang diimport adalah berdasarkan Senarai Harga Pembuat (*Manufacturer's Price List*) dengan *Conversion Factor* seperti jadual berikut :

Bil	Alat-alat Ganti Elektronik Yang Berkaitan Dengan Item-item Mengikut Kadar Duti Import	Duti Import (%)	Conversion Factor	
			Ex-Stock	Bulk Indent
1.	Microchip/Automatic Data Processing Parts Transistor, Integrated Circuit, Diode, Capacitor, Resistor	Tiada	1.55	1.49
2.	Microchip Parts Semiconductor & Electrolytic Radio Equipment, Piezo-electric Crystals.	2	1.58	1.51
3.	Control Parts Choke, Measuring Tape, Antenna (Radio), Tube/Valves Thermionic, Transformer's Components, Rectifier, Inductor's Radio Equipment, Primary Battery, Magnetor, Coil, Starter, Radio Frequency Tape, Electric Traffic Control Equipment, Bell's Siren, Alarm, Phototransistor, Meter, Switch for Radio	5	1.63	1.57
4.	Recharge Cell Nicel-Cadmium Battery, Lithium Battery	20	1.84	1.76
5.	Electrical, Electronic And Optronic Item And Related Parts	15	1.79	1.71

	And Accessories Fuses, Switch for Other Uses, Other Apparatus, Part for Electric Filament Lamp, Radio Panel, Test Equipments, Binoculars, Monocular, LRF, Heat Sensing Devices, Compass, Camera, LCD Panel, Projectors, Indicators			
6.	Protection/Connection Circuits Parts Diskette Box, Printed Circuit, Relay, Lighting Arresters, Surge Suppressors Plug, Lamp Holder, Function Boxes Connections, Switchboards, Heating Resistors and Control Panels	25	1.96	1.87
7.	Communication Parts Modules Radio Telephonic Set, Telegraphic Switch Board, Automatic Microphone, Radiotelegraphic, Transmission and Reception Radio, Radio Broadcasting, Recorders, Radar Remote Control, Walkie-Talkie, Electric Accumulators, Secondary Battery, Maintenance Free Battery.	30	2.03	1.95
8.	Auto-Parts & Screw Washer Television Transmission Reception Power Transfer Wire.	35	2.09	2.00
9.	Cable & Wire Wire, Cable, Bars, Coaxial Cable, Switchers For Electric Fans.	45	2.24	2.15

4.2 Bagi alat *proprietary* elektronik dan alat ganti yang berkaitan buatan tempatan, harga adalah dalam Ringgit Malaysia yang mana ianya termasuk semua jenis-jenis cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.

4.3 Hanya item-item elektronik yang disenaraikan di Jadual 4.1 di atas sahaja yang berkaitan dengan kontrak ini. Item alat *proprietary* elektronik dan alat ganti yang berkaitan yang dibenarkan di bawah kontrak ini adalah seperti di dalam Senarai Harga Pembuat yang telah disahkan oleh Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

4.4 Harga di bawah kontrak ini adalah berdasarkan Senarai Harga Pembuat yang telah

disahkan oleh Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Harga tersebut adalah bersih yang termasuk semua jenis cukai, kos pembungkusan dan pengiriman/penghantaran.

4.5 Perubahan harga kepada Senarai Harga Pembuat ((Manufacturer's Price List) adalah tidak dibenarkan. Sebarang perubahan harga kontrak semasa akan dikaji semula selepas tahun ketiga setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun bayaran kepada kontraktor akan dibuat berdasarkan kepada kadar pertukaran mata wang pada tarikh setiap pesanan dibuat.

4.6 Jabatan Pengguna hendaklah bersama-sama mengikuti perkembangan harga alat-alat tersebut dari masa ke semasa supaya pelaksanaan kontrak ini dapat berjalan dengan lancar.

5. Tempoh Jaminan

5.1 Tempoh jaminan bagi alat proprietary elektronik dan alat ganti yang berkaitan tersebut adalah selama dua belas (12) bulan dari tarikh penyerahan dan disahkan terima oleh Jabatan Pengguna.

6. Pesanan Dan Tempoh Penyerahan

6.1 Semua pesanan alat proprietary elektronik dan alat ganti yang berkaitan di atas boleh dibuat mengikut kategori berikut :

(i) Pesanan Secara Ex-Stock

Tempoh penyerahan hendaklah tidak melebihi empat belas (14) hari dari tarikh pesanan rasmi diterima oleh kontraktor. Sekiranya kontraktor gagal membuat bekalan dalam tempoh tersebut, pesanan secara Ex-Stock ini hendaklah diambil kira sebagai pesanan secara Bulk Indent dan harga yang dikenakan adalah berdasarkan kategori Bulk Indent.

(ii) Pesanan Secara Bulk Indent

Jabatan Pengguna adalah digalakkan membuat pesanan di bawah kategori Bulk Indent. Tempoh penyerahan hendaklah tidak melebihi empat (4) bulan daripada tarikh pesanan dikeluarkan oleh Jabatan. Jika kontraktor merasakan pihaknya tidak mampu membuat bekalan dalam tempoh tersebut, kontraktor hendaklah memohon pelanjutan tempoh penyerahan kepada Kementerian Kewangan Malaysia secara bertulis dalam tempoh tiga (3) minggu sebelum tarikh tamat tempoh penyerahan dengan menyatakan sebab-sebab bagi kelewatan bekalan alat-alat tersebut. Permohonan ini hendaklah disalinkan kepada Jabatan Pengguna. Tempoh penyerahan akan dilanjutkan oleh Kementerian Kewangan selama tidak melebihi satu (1) bulan lagi jika alasan yang diberikan adalah munasabah. Jika kontraktor masih lagi gagal membuat bekalan dalam tempoh tambahan yang diberikan, Jabatan hendaklah membatalkan pesanan secara bertulis kepada kontraktor dan dibenarkan membeli daripada punca-punca lain. Pembatalan pesanan dan pembelian daripada punca lain hendaklah dilaporkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

6.2 Jabatan kerajaan adalah dibenarkan untuk membuat pindaan kepada tempoh penyerahan ini kepada suatu tempoh yang lain tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

(i) Pegawai Pengawal atau wakilnya dengan kontraktor bersetuju dengan pindaan tempoh penyerahan ini dan dibuat secara bertulis; dan

(ii) Jabatan berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pesanan yang dibuat di bawah peruntukan ini.

6.3 Tertakluk kepada para 9, barang-barang yang diserahkan oleh kontraktor pada masa dan tarikh yang ditetapkan di dalam Borang Pesanan tidak boleh ditolak tanpa arahan secara bertulis daripada Pegawai yang membuat pesanan. Jika penolakan dibuat secara ad hoc tanpa memberitahu terlebih dahulu kepada kontraktor, tindakan boleh diambil terhadap pegawai berkenaan termasuk menanggung segala tuntutan ganti rugi oleh kontraktor berhubung dengan perkara ini. Sebarang penangguhan atau pindaan kepada tarikh penyerahan hendaklah dibuat secara bertulis dan dimaklumkan kepada unit yang membuat bayaran di jabatan-jabatan berkenaan.

6.4 Jabatan Pengguna adalah dikehendaki memberi alamat yang lengkap serta nama pegawai dan nombor telefon masing-masing kepada pihak kontraktor supaya pembekalan dapat dibuat dengan lancar dan tepat ke tempat yang ditetapkan.

6.5 Semua pesanan rasmi hendaklah dibuat terus kepada kontraktor dengan mencatatkan nombor kontrak, nama, nombor pengenalan dan kuantiti alat proprietary elektronik dan alat ganti berkaitan yang diperlukan. Nombor pengenalan alat ganti yang dimaksudkan adalah nombor yang telah dikodifikasikan oleh kontraktor. Pesanan terakhir oleh Jabatan mestilah dibuat tidak lewat daripada dua (2) minggu sebelum tarikh tamat kontrak.

6.6 Sekiranya Jabatan Pengguna telah mematuhi para 6.4, 6.5, dan 7.1 dan kontraktor gagal membuat bekalan dalam tempoh penyerahan yang ditetapkan dan ianya adalah keperluan segera selain daripada para 6.1, Jabatan-jabatan Kerajaan dibenarkan membeli daripada punca-punca lain. Pembelian tersebut hendaklah dilaporkan dengan serta merta ke Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia dengan menyertakan sesalinan pesanan tempatan dan inbois/bil yang terlibat.

7. Anggaran Keperluan

7.1 Semua Jabatan Pengguna dikehendaki menghantar jadual anggaran serta jangka masa keperluan untuk setiap tahun kepada kontraktor dengan segera untuk memudahkan dan membolehkan kontraktor membuat perancangan pembekalan.

7.2 Sekiranya Jabatan Pengguna tidak mematuhi arahan di para 6.4 dan 7.1 di atas kontraktor berkenaan tidak boleh dipersalahkan jika berlaku kelewatan bekalan kelak.

8. Pembungkusan

8.1 Semua alat proprietary elektronik dan alat ganti yang berkaitan hendaklah dibungkus oleh kontraktor dengan sempurna mengikut keadaan/spesifikasi alat-alat yang dipesan bagi memastikan alat-alat tersebut selamat dan tidak mengalami sebarang kerosakan.

8.2 Semua pembungkusan yang besar hendaklah mempunyai label atau stensil pada sekurang-kurangnya kedua-dua belah bahagian luar bungkusan tersebut dan mempunyai catatan alamat pemesan, keterangan, kuantiti dan berat alat proprietary elektronik dan alat ganti yang

berkaitan. Bagi bekalan yang mengandungi lebih dari satu bungkusan/kotak, bilangan bungkusan/kotak hendaklah dinyatakan.

9. Pemeriksaan

9.1 Semua alat proprietary elektronik dan alat ganti yang berkaitan yang dibekalkan mestilah tulen (genuine) dan baru.

9.2 Jabatan Pengguna hendaklah memeriksa bekalan yang diterima untuk memastikan bahawa jenis dan jumlah alat proprietary elektronik dan alat ganti yang berkaitan yang dibekalkan tersebut adalah sama sepertimana yang dipesan. Sekiranya didapati jumlah alat-alat tersebut kurang, kontraktor hendaklah diminta menggantikan jumlah yang kurang tersebut dengan segera tanpa sebarang kos tambahan.

9.3 Semua alat proprietary elektronik dan alat ganti yang berkaitan yang dibekalkan mestilah berada dalam keadaan baik dan memuaskan. Sekiranya alat-alat tersebut didapati rosak atau cacat semasa penyerahannya, alat-alat tersebut hendaklah ditolak dengan serta merta dan dibuat secara bertulis kepada kontraktor. Pihak kontraktor diminta untuk menggantikannya dengan bekalan yang baru tanpa sebarang kos tambahan.

10. Kawalan Kuantiti

10.1 Sekiranya terdapat sebarang keraguan mengenai kualiti alat proprietary elektronik dan alat ganti yang berkaitan yang dibekalkan, Jabatan Pengguna hendaklah meminta kontraktor menggantikan alat proprietary elektronik dan alat ganti yang berkaitan yang diragui kualitinya tersebut dengan bekalan baru tanpa sebarang kos tambahan. Penolakan hendaklah dibuat secara bertulis kepada kontraktor. Kontraktor hendaklah menggantikan alat-alat tersebut dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pemberitahuan dikeluarkan.

11. Tempoh Akhir Pengaduan

11.1 Jabatan Pengguna hendaklah mengemukakan apa-apa aduan mengenai kontrak ini kepada Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia dengan serta-merta dan tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas tarikh tamat kontrak. Kementerian Kewangan tidak akan bertanggungjawab keatas sebarang masalah yang berbangkit akibat daripada kegagalan Jabatan mematuhi arahan ini.

12. Bil Pembayaran

12.1 Pembayaran terhadap bil-bil yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara yang berkuat kuasa yang ditetapkan oleh Akauntan Negara Malaysia.

12.2 Pesanan yang telah disempurnakan oleh kontraktor dengan memuaskan, bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh bil tersebut diterima.

12.3 Pengesahan penerimaan barang-barang mestilah dibuat dengan segera pada hari bekalan disempurnakan bagi membolehkan kontraktor mengemukakan bil pembayaran dengan seberapa segera.

13. Penggunaan Kontrak

13.1 Semua Kementerian, Jabatan Kerajaan termasuk Jabatan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta Badan Berkanun dan Agensi-agensi yang berkenaan di bawah kelolaan masing-masing hendaklah menggunakan kontrak ini sahaja dan tidak dibenarkan membeli daripada punca lain tanpa kelulusan Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan kecuali berlaku keadaan seperti di para 6.1(ii) dan 6.6 di atas.

14. Pembelian Melalui Sistem ePerolehan

14.1 Bagi semua Jabatan Pengguna yang telah ePerolehan enabled, pembelian kontrak pusat ini hendaklah dibuat melalui sistem ePerolehan. Manakala bagi Jabatan Pengguna yang belum ePerolehan enabled/tidak menggunakan sistem ePerolehan maka pembelian boleh dibuat di luar sistem ePerolehan.

15. Hal-hal Lain


15.1 Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai kontrak ini, Jabatan Pengguna boleh menghubungi Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia seperti di alamat di bawah :

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,
(Seksyen Multimedia dan Telekomunikasi),
Aras 4 ,Blok Utara, Kompleks Kementerian Kewangan,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATUK ZALEKHA HASSAN)
 Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,
 b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan ,
 Kementerian Kewangan Malaysia.

30 Disember 2005

s.k.
 Ketua Audit Negara Malaysia
 Akauntan Negara Malaysia
 Semua Pegawai Kewangan Negeri

KATEGORI	NO. PUNJUK	JENJUR	TARIKH	KETERANGAN